

PENGGUNAAN LAGU DALAM MENINGKATKAN MINAT DAN INGATAN MURID TAHUN TIGA TERHADAP TOPIK GIGI MANUSIA DI KUCHING

Chang Phui Cheng
IPG Kampus Batu Lintang, Kuching Sarawak
Tobby_cheng@hotmail.com
Dr. Tan Ming Tang
Jabatan Sains IPG Kampus Batu Lintang, Sarawak

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini bertujuan untuk meninjau kesan penggunaan strategi lagu dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam meningkatkan minat dan ingatan murid Tahun Tiga terhadap topik Gigi Manusia. Responden dalam kajian ini terdiri daripada tiga orang murid Tahun Tiga yang didapati tidak menumpu perhatian dalam kelas dan juga sering membuat bising semasa guru mengajar. Hasil data dikumpul melalui pemerhatian (gambar), temu bual, nota lapangan dan ujian. Hasil analisis data menunjukkan bahawa strategi lagu berjaya meningkatkan minat murid dan ingatan murid terhadap topik Gigi Manusia. Harap kajian ini boleh dimanfaat dan didalamkan oleh guru lain yang menghadapi masalah yang sama dengan saya.

Kata kunci: Strategi Lagu, murid Tahun Tiga, Sains, minat, ingatan

ABSTRACT

The purpose of this action research were to investigate the effects of using song in teaching and learning (T&L) in improving the interest and memory of Year Three students in the Human Teeth topic. The participants of this research consisted of three Year Three students not paying attention and making noise when the teacher was teaching. The data of this study were collected by observation (pictures), interviews, field notes and tests. The findings showed that T&L using song could improve the interest and memory of three Year Three participants in the Human Teeth topic. Hope this research can be benefited and learned by other teachers who meet with the same problem.

Keywords: Song Strategy, Year Three pupil, Science, interest, memory

PENGENALAN

Saya merupakan seorang guru pelatih berpengkhususan Sains Sekolah Rendah yang menjalani praktikum sebanyak dua fasa. Semasa praktikum fasa dua, saya telah menjalani praktikum di sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina yang berdekatan dengan Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Salah satu kelas yang ditugaskan kepada saya merupakan kelas Tahun 3M. Majoriti murid di dalam kelas adalah terdiri daripada kaum Bumiputera.

Saya telah menggunakan pelbagai kaedah dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) saya seperti penggunaan video, penghasilan peta minda dan aktiviti kumpulan. Namun, hanya murid berpencapaian tinggi sahaja yang tertarik minatnya. Guru pembimbing saya telah memberi cadangan kepada saya untuk melaksanakan kaedah papan ganjaran supaya kawalan kelas menjadi lebih teratur di samping menggalakkan murid yang berpencapaian lemah memberi kerjasama dalam melaksanakan aktiviti berkumpulan. Walaupun kaedah ini telah dapat membantu menyelesaikan masalah saya, masih wujud tiga orang murid yang tidak dapat menguasai isi kandungan topik Gigi Manusia.

Hasil rujukan saya terhadap kaedah mengajar telah menunjukkan bahawa pengajaran berdasarkan muzik adalah berkesan dalam sesi PdP. Haas dan Brandes (2009) menyatakan pakar neurologikal telah mendapati penggunaan seluruh otak telah dicapai melalui rangsangan daripada lagu. Tambahan pula, Soon (2017) telah menyatakan bahawa penggunaan lagu dapat menjadikan subjek yang bosan menjadi sangat menarik. Secara tidak langsung, penggunaan lagu dalam kelas terbukti berkesan dan murid tidak akan berasa bosan atau menyatakan bahawa pengajaran guru adalah tidak menarik.

Jadi saya ingin mengkaji sama ada strategi lagu berkesan dalam meningkatkan ingatan dan minat tiga orang murid Tahun 3M dalam PdP topik Gigi Manusia. Saya percaya dan yakin strategi lagu dapat memberi motivasi dan keyakinan kepada murid. Rentetan daripada itu, minat dan ingatan mereka terhadap topik Gigi Manusia ditingkatkan.

Pengumpulan Data Awal

Dalam proses pengumpulan data, saya telah menggunakan tiga jenis instrumen bagi pengumpulan data untuk aspek minat. Antaranya ialah pemerhatian gambar. Merujuk kepada Rajah 1 dan 2, murid Amy tidak menumpukan perhatian manakala murid Bob tertidur dalam kelas. Selain itu, temu bual dengan murid menunjukkan mereka tidak berminat terhadap sesi PdP untuk topik Gigi Manusia. Lebih-lebih lagi, nota lapangan tercatat bahawa ketiga-tiga peserta kajian menunjukkan mereka kurang berminat terhadap sesi PdP saya. Berdasarkan analisis ketiga-tiga instrumen, boleh disimpulkan bahawa murid Amy, Bob dan Charlie tidak berminat dalam sesi PdP Gigi Manusia.

Manakala aspek tahap ingatan murid pula, instrumen ujian awal pencapaian menunjukkan murid mendapat markah yang rendah dalam ujian direka oleh saya. Temu bual juga dijalankan dengan menanya soalan berkaitan topik Gigi Manusia dan hasilnya menunjukkan tahap ingatan murid lemah. Lebih memilukan, catatan nota lapangan semasa sesi PdP juga memberikan indikasi bahawa tahap ingatan murid terhadap topik Gigi Manusia adalah rendah.



Rajah 1. Murid Amy tidak memberi tumpuan



Rajah 2. Murid Bob tidur di dalam kelas

Secara keseluruhannya, keempat-empat instrumen telah membantu saya untuk mengenal pasti murid tidak berminat pada sesi PdP topik Gigi Manusia dan tahap ingatan tiga orang peserta kajian adalah rendah.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini adalah kesan penggunaan kaedah lagu terhadap minat dan ingatan murid tentang isi kandungan topik Gigi Manusia. Fokus kajian saya dipilih berdasarkan kepada beberapa kriteria yang penting.

Salah satu kriteria ialah kebolehtadbiran. Masa yang diambil untuk menghasilkan sebuah lagu yang berlirik isi kandungan istilah Sains tidak lama kerana wujudnya laman web yang membekalkan lagu yang telah siap digubal. Manakala untuk pengumpulan data kajian, ia dikumpul melalui usaha daripada saya, rakan sepraktikum dan guru pembimbing. Contoh data yang boleh dikumpul dengan usaha kami ialah pemerhatian gambar, temu bual dengan murid, catatan nota lapangan serta ujian.

Kriteria seterusnya ialah kebolehgunaan kajian. Walaupun kajian ini berfokuskan kepada topik Gigi Manusia, strategi ini boleh diaplikasikan kepada topik lain atau mata pelajaran lain dengan mudah. Caranya adalah memilih lagu, gubal lirik dan reka aksi yang pelu dilakukan semasa menyanyi lagu tersebut.

Dari aspek kawalan kajian ini, kawalan masa dilakukan dalam tempoh pelaksanaan kajian. Kajian dijalankan mengikut waktu PdP yang sebenar dan intervensi telah dijalankan sebanyak satu sesi. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan kajian, komunikasi antara saya dengan murid memainkan peranan yang penting. Kajian ini berfokuskan kepada tiga peserta kajian untuk mengkaji perubahan minat dan ingatan mereka melalui langkah tindakan yang telah dijalankan.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kesan penggunaan strategi lagu terhadap:

1. Minat tiga orang murid Tahun Tiga dalam tajuk Gigi Manusia.
2. Ingatan tiga orang murid Tahun Tiga dalam tajuk Gigi Manusia.

Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian berikut:

1. Apakah kesan strategi lagu terhadap minat tiga orang murid Tahun Tiga dalam tajuk Gigi Manusia?
2. Sejauh mana strategi lagu dapat meningkatkan ingatan tiga orang murid Tahun Tiga dalam tajuk Gigi Manusia?

PESERTA KAJIAN

Kajian ini dijalankan terhadap tiga orang murid tahun 3M yang berbangsa Cina, Jadual 1 merupakan maklumat asas mereka dan ciri yang menyebabkan mereka dipilih sebagai peserta kajian.

Jadual 1

Maklumat Asas Peserta Kajian

Murid	Jantina	Minat	Penglibatan	Pengetahuan tentang Topik Gigi Manusia
Amy	Perempuan	Tidak minat	Selalu tidur di dalam kelas.	Sederhana
Bob	Lelaki	Tidak minat	Bersempang dan bermain dengan rakan.	Rendah
Charlie	Lelaki	Tidak minat	Tidak libatkan diri, selalu menjauhkan diri daripada rakan.	Rendah

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Saya telah memilih Model Kurt Lewin sebagai panduan pelaksanaan kajian penyelidikan ini. Model Kurt Lewin menyatakan empat langkah utama secara berterusan, iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi.

Dalam langkah perancangan, saya telah mengenal pasti isu yang difokuskan. Saya telah merancang strategi untuk melaksanakan pengajaran berasaskan strategi lagu, kaedah mengumpul dan menganalisis data yang berfokuskan kepada kesan terhadap aspek ingatan dan minat tiga orang murid Tahun Tiga dalam mata pelajaran Sains untuk topik Gigi Manusia. Lampiran A merupakan lirik lagu Gigi Manusia yang dinyanyikan oleh murid.

Semasa langkah tindakan, saya telah mengambil peluang untuk melaksanakan pengajaran berasaskan strategi lagu. Apabila sesi PdP dijalankan, catatan nota lapangan dan pemerhatian gambar diambil. Setelah selesai sesi PdP, temu bual dengan murid dan ujian dijalankan untuk mengumpul data.

Pada fasa pemerhatian, saya telah menjalankan analisis terhadap setiap data yang dikumpul. Data yang dianalisis akan dibandingkan dengan data awal untuk mengesan perubahan minat dan ingatan peserta kajian.

Akhir sekali, saya telah mereflek keseluruhan proses penyelidikan tindakan yang telah dijalankan. Refleksi pertama adalah berkenaan dengan hasil dapatan daripada penyelidikan ini. Saya juga telah membuat refleksi tentang perkara yang saya pelajari sepanjang penyelidikan ini.

Kaedah Mengumpul Data

Pertimbangan telah diberi terhadap aspek yang dikaji oleh saya dan empat jenis instrumen telah dipilih sebagai alat pengumpulan data. Jadual 2 menunjukkan kaedah mengumpul data untuk setiap aspek isu kajian saya.

Jadual 2

Kaedah Mengumpul Data Kesan Tindakan

Aspek	Cara
Minat	Gambar
	Temu Bual
	Nota Lapangan
Ingatan	Ujian
	Temu Bual
	Nota Lapangan

Kaedah Menganalisis Data

Analisis terhadap data instrumen telah dijalankan mengikut aspek masing-masing. Jadual 3 merupakan cara menganalisis data yang terkumpul.

Jadual 3

Cara Menganalisis Data Selepas Langkah Tindakan

Tema	Cara Pengumpulan Data	Cara Menganalisis Data
Minat	Gambar	Analisis gambar
	Temu Bual	Analisis kandungan
	Nota Lapangan	Analisis kandungan
Ingatan	Ujian Kesan Tindakan	Peratusan
	Temu Bual	Peratusan
	Nota Lapangan	Analisis kandungan

Dalam aspek minat, analisis pemerhatian gambar dijalankan dengan bantuan daripada guru pembimbing. Temu bual dicatatkan kepada transkrip lalu respons peserta dibandingkan untuk mendapat keputusan. Tambahan pula, kandungan nota lapangan akan diwarnakan isi penting lalu diberi tema.

Manakala aspek ingatan pula, hasil ujian kesan tindakan dikira sebagai peratusan dan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Temu bual juga dicatatkan kepada transkrip dan jawapan peserta dikira dalam peratusan. Cara analisis nota lapangan adalah sama dengan aspek minat. Kesemua hasil analisis akan dibandingkan dengan data awal supaya kesan strategi lagu terhadap minat dan ingatan murid boleh diketahui.

Kaedah Menyemak Data

Demi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini, triangulasi kaedah telah dijalankan untuk membandingkan data terkumpul di antara instrumen yang berkaitan dengan aspek masing-masing. Selain itu, triangulasi masa dijalankan pada ujian. Ujian awal pencapaian dan ujian kesan tindakan dijalankan selepas sesi PdP dijalankan. Manakala triangulasi penyelidik juga dijalankan kerana pengumpulan data kajian merupakan usaha daripada saya, guru pembimbing dan rakan sepraktikum.

DAPATAN KAJIAN

Meningkatkan Minat Tiga Orang Murid Tahun Tiga dalam Tajuk Gigi Manusia.

Gambar

Menurut Rajah 3, 4 dan 5, minat ketiga-tiga peserta kajian terhadap PdP topik Gigi Manusia telah meningkat selepas strategi lagu dilaksanakan. Ia boleh diperhatikan melalui tingkah laku, ekspresi dan mimik muka.



Rajah 3. Murid Amy mengangkat tangan meneka aksi berkaitan lirik



Rajah 4. Murid Bob sedang menari dengan mimik muka gembira



Rajah 5. Murid Charlie berfokus mendengar ajaran guru

Temu Bual

Rajah 6 merupakan transkrip temu bual dengan murid berkaitan aspek minat selepas langkah tindakan dilaksanakan. Melalui hasil temu bual dengan ketiga-tiga peserta kajian, didapati mereka suka dan berminat dengan strategi lagu yang dilaksanakan dalam sesi PdP topik Gigi Manusia.

Soalan 1	Adakah kamu gembira dengan topik Gigi Manusia yang diajar oleh cikgu? Mengapa?	
Nama Murid	Respon Peserta Kajian	
Amy	Ya, sebab aktiviti menyanyi sangat best.	
Bob	Ya, saya lebih mudah ingat.	
Charlie	Ya, saya boleh ingat dengan mudah tentang gigi manusia apabila menyanyi.	
Soalan 2	Adakah kamu suka dengan aktiviti lagu di kelas pada hari ini? Mengapa?	
Nama Murid	Respon Peserta Kajian	
Amy	Ya, saya boleh menari dengan kawan saya.	
Bob	Ya, saya dapat buat banyak aksi.	
Charlie	Ya, saya dapat teka dengan betul aksi yang perlu dibuat.	

Rajah 6. Transkrip temu bual dengan murid berkaitan aspek minat selepas langkah tindakan

Nota Lapangan

Isi penting nota lapangan telah dianalisis dan diberikan tema untuk memudahkan proses banding beza di antara sebelum dan selepas langkah tindakan dijalankan. Jadual 4 menunjukkan bahawa strategi lagu berjaya meningkatkan minat murid.

Jadual 4

Perbandingan Pengkategorian Data Nota Lapangan Sebelum Dan Selepas Langkah Tindakan Berdasarkan Aspek Minat

Masa	Kategori	Tema
Sebelum	<ul style="list-style-type: none">• Bermain di belakang kelas• Melontar cebisan pemadam• Tertarik dengan murid lain untuk bermain• Murid yang pendiam• Hanya duduk dan mendengar	Kurang berminat
Selepas	<ul style="list-style-type: none">• Tidak sabar untuk mengikuti aktiviti menyanyi• Meneka aksi• Berebut mengangkat tangan untuk menjawab• Murid memikirkan kaitan antara lirik	Berminat

Jelas, ketiga-tiga instrumen telah memberikan keputusan bahawa strategi lagu berjaya untuk meningkatkan minat peserta kajian dalam topik Gigi Manusia.

Meningkatkan Ingatan Tiga Orang Murid Tahun Tiga dalam Tajuk Gigi Manusia.


Ujian Awal Pencapaian dan Ujian Kesan Tindakan

Jadual 5 merupakan perbandingan antara pencapaian murid dalam kedua-dua ujian. Berdasarkan Jadual 5, saya telah mempersempahkan data tersebut dalam bentuk carta bar untuk memudahkan perbandingan dibuat di antara pencapaian peserta kajian dalam ujian awal pencapaian dan ujian kesan tindakan. Carta perbandingan prestasi (Rajah 7) peserta kajian dalam kedua-dua ujian menunjukkan prestasi semua murid meningkat dalam pembelajaran topik Gigi Manusia

Jadual 5

Perbandingan Pencapaian Peserta Kajian dalam Ujian Awal Pencapaian dan Ujian Kesan Tindakan

Nama Murid	Markah				Perbezaan Peratus (%)	
	Ujian Awal Pencapaian		Ujian Kesan Tindakan			
	Peratus (%)	Gred	Peratus (%)	Gred		
Amy	26.7	D	80.0	A	53.3	
Bob	20.0	D	86.7	A	66.7	
Charlie	6.7	D	66.7	B	60.0	



Rajah 7. Carta perbandingan prestasi peserta kajian dalam ujian awal pencapaian dan ujian kesan tindakan

Temu bual

Temu bual juga dijalankan untuk mengumpul data dalam aspek ingatan. Jadual 6 menunjukkan perbandingan bilangan soalan yang dijawab dengan betul sebelum dan selepas strategi lagu dilaksanakan dalam sesi PdP yang dirancang. Hasil analisis menunjukkan ketiga-tiga peserta kajian mempunyai peningkatan ingatan terhadap isi kandungan topik Gigi Manusia.

Jadual 6

Perbandingan Bilangan Soalan yang Dijawab Betul Sebelum dan Selepas Langkah Tindakan

Nama Murid	Soalan Dijawab dengan Betul		Peratus Peningkatan (%)
	Sebelum	Selepas	
Amy	0/4	4/4	100.0
Bob	1/4	4/4	75.0
Charlie	1/4	4/4	75.0

Nota Lapangan

Analisis nota lapangan juga mengandungi isi penting yang menunjukkan perubahan ingatan peserta kajian terhadap topik Gigi Manusia. Isi penting telah diberikan tema untuk memudahkan proses banding beza di antara sebelum dan selepas langkah tindakan dijalankan. Hasil perbandingan Jadual 7 menunjukkan bahawa strategi lagu berjaya meningkat tahap ingatan murid.

Jadual 7

Perbandingan Pengkategorian Data Nota Lapangan Sebelum Dan Selepas Langkah Tindakan Berdasarkan Aspek Ingatan

Masa	Kategori	Tema
Sebelum	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak dapat menjawab soalan • Menjawab soalan dalam keadaan ternganga • Memberi jawapan secara sesuka hati • Menyalin jawapan daripada rakan 	Tahap ingatan rendah
Selepas	<ul style="list-style-type: none"> • Mereka menjawab dengan yakin • Murid berbincang • Berebut mengangkat tangan untuk menjawab • Bukannya menunggu untuk menyalin jawapan 	Ingatan meningkat

Secara keseluruhannya, data-data berkaitan dengan aspek ingatan yang dikutip jelas menunjukkan bahawa terdapat peningkatan ingatan peserta kajian dalam tajuk Gigi Manusia selepas pelaksanaan strategi lagu.

REFLEKSI

Penyelidikan tindakan ini telah memberi peluang kepada saya untuk memperbaiki masalah yang saya menghadapi sepanjang praktikum ini. Dalam kajian ini, saya telah menggunakan strategi lagu untuk mengatasi masalah minat murid serta tahap ingatan murid rendah. Hal ini telah mengingatkan saya bahawa seorang guru mesti bertindak secara inovatif dalam pengajaran sehari-hari. Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang menekankan kepentingan inovasi dalam kalangan guru dan murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Melalui kajian ini, saya menyedari tentang kepentingan minat murid dalam mempelajari mata pelajaran Sains. Dengan meningkatkan minat murid melalui strategi lagu, murid seakan-akan mempunyai ingatan yang baik terhadap kandungan topik ini. Penglibatan aktif dalam kalangan murid dapat dipupuk semasa kajian dijalankan untuk memastikan terdapat peningkatan dalam pencapaian Sains murid.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Strategi lagu yang dilaksanakan dalam kajian saya berkesan dalam meningkatkan minat dan ingatan murid terhadap mata pelajaran Sains dalam topik Gigi Manusia. Terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan sekiranya kajian seumpama ini dijalankan pada masa akan datang. Cadangan saya ialah lebih banyak lagi berkenaan topik Sains digubal untuk kegunaan guru lain, melibatkan lebih banyak peserta kajian dan melaksanakan strategi lagu pada mata pelajaran lain.

Rujukan

- Haas, R. dan Brandes V. (2009). *Music that Works: Contributions of Biology, Neurophysiology, Psychology, Sociology, Medicine and Musicology*. Vienna: Springer-Verlag Vienna.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Soon, L.W. (2017, 20 Januari). Kaedah Interaktif Pupuk Minat Terhadap Sejarah. Utusan Borneo, 24.